

Pembangunan ekonomi negara hasil gabungan idea pelbagai pihak

UM 1 MAR 2002

KUALA LUMPUR 28 Feb. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, perkembangan ekonomi negara yang memberangsangkan adalah hasil gabungan idea pelbagai pihak termasuk bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin.

Sambil menyifatkan perkembangan tersebut bukan satu keajaiban, kata Dr. Mahathir: "Kami tidak membuat satu keajaiban di negara kami, kami bekerjasama dan keputusan kami buat bersama."

Ditanya mengenai dakwaan Daim bahawa beliau yang merancang sektor ekonomi Malaysia dan bukannya Dr. Mahathir, Perdana Menteri berkata, Daim adalah seorang pintar dan ahli perniagaan yang berjaya.

"Kami juga mendengar idea yang lain. Saya juga mendengar dari bekas timbalan saya dan ahli-ahli ekonomi dan kami menggabungkan semua idea," katanya ketika diwawancara oleh stesen televisyen satelit *Al-Jazeera* dalam program 'Tanpa Sempadan' yang disiarkan secara langsung dari London, pagi ini.

Perdana Menteri turut ditanya mengenai keturunan Melayu yang digambarkan sebagai malas, tidak produktif, manja dan bergantung kepada kerajaan seperti yang digambarkan dalam buku *Malay Dilemma* tulisan Dr. Mahathir.

Menurut Dr. Mahathir, orang Cina sememangnya banyak menyumbang kepada kemajuan Malay-

sia tetapi keturunan Melayu yang juga telah menyumbang sesuatu perlu mengubah pendirian mereka terhadap kerja dan pengetahuan.

Kerajaan, katanya, berpendapat orang Melayu mempunyai kemampuan yang menyamai kaum Cina tetapi terpaksa menghadapi kesukaran untuk membangunkan beribu-ribu orang kerana sering mendapat kritikan daripada parti pembangkang.

"Kami tidak mencapai matlamat yang kami harapkan kepada kaum Melayu. Orang Cina menyumbangkan sesuatu kepada Malaysia kerana mereka juga adalah warga negara," katanya.